

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**TAHUN 2019**

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak - 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.*

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusniaga kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.*

*Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Penyata Kedudukan Kewangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.*



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 14.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka

dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**KETUA AUDIT NEGARA**  
**MALAYSIA**

PUTRAJAYA  
25 SEPTEMBER 2020



# **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019**

## **Kandungan**

## **Muka Surat**

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

### **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri  
dan Bendahari Negeri

Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata Prestasi Kewangan

Penyata Akaun Memorandum

Nota kepada Penyata Kewangan

## **Lampiran**

- A. Penyata Perbelanjaan Mengurus
- B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman  
Boleh Dituntut
- D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

# LAPORAN BENDAHARI NEGERI


## 1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 9 Januari 2020. Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusniaga perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2019 dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk tahun 2019 berjumlah RM2,099.83 juta meningkat sebanyak RM128.95 juta daripada tahun 2018. Peningkatan ini adalah hasil daripada peningkatan Akaun Hasil disatukan sebanyak RM80.21 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM48.74 juta berbanding tahun 2018. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara tahun 2018 dan 2019 bagi akaun-akaun dalam Kumpulan Wang Disatukan. Carta 1 pula menunjukkan peningkatan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2015 – 2019.

**JADUAL 1**  
**PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN**  
**KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2018 DAN 2019**

	2019	2018	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	1,154.84	1,074.63	80.21
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	944.99	896.25	48.74
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>	<b>2,099.83</b>	<b>1,970.88</b>	<b>128.95</b>



**CARTA 1 : KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2015 - 2019**

## 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 2.1. WANG AWAM

#### 2.1.1 Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai dalam Bank, Wang Tunai dalam Perjalanan dan Wang Tunai dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM26.93 juta adalah mencakupi Wang Tunai dalam Bank sejumlah RM26.02 juta, Wang Tunai dalam Perjalanan sebanyak RM0.57 juta dan Wang Tunai dalam Tangan sejumlah RM0.34 juta. Baki Wang Tunai pada akhir tahun 2019

meningkat sebanyak RM8.55 juta berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM18.38 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh jumlah Wang Tunai dalam Bank meningkat sebanyak RM8.36 juta berbanding RM17.66 juta pada tahun 2018 serta jumlah Wang Tunai dalam Perjalanan meningkat sebanyak RM0.19 juta berbanding RM0.38 juta pada tahun 2018, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2018 DAN 2019**

	2019	2018	+/(-)
	(RM JUTA)	(RM JUTA)	(RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	26.02	17.66	8.36
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.57	0.38	0.19
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.34	0.34	0.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>26.93</b>	<b>18.38</b>	<b>8.55</b>

### 2.1.2 Pelaburan


Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM2,072.90 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM2,013.10 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM28.35 juta. Deposit Dalam Negeri meningkat sebanyak RM121 juta berbanding sebanyak RM1,892.10 juta tahun 2018. Pelaburan Ekuiti tidak berubah berbanding tahun 2018. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dalam bentuk simpanan tetap menurun sebanyak RM0.60 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM28.95 juta.

## 2.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

### 2.2.1 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan lebihan berjumlah RM80.21 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM661.52 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM581.31 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat dari RM1,074.63 juta dalam tahun berakhir 2018 menjadi RM1,154.84 juta bagi tahun berakhir 2019.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2015 sehingga tahun 2019.




**CARTA 2: KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2015 – 2019**

#### 2.2.1.1 Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2019.

Pada tahun 2019 hasil menurun sebanyak RM325.53 juta berbanding tahun 2018. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di Jadual 3.



**CARTA 3 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN HASIL KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN 2019**

**JADUAL 3  
PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL  
BAGI TAHUN 2015 – 2019**

KOMPONEN	TAHUN				
	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	128.92	133.11	135.54	135.69	135.50
HASIL BUKAN CUKAI	591.77	579.80	341.04	591.61	330.14
TERIMAAN BUKAN HASIL	176.97	316.93	280.43	259.75	195.88
<b>JUMLAH</b>	<b>897.66</b>	<b>1,029.84</b>	<b>757.01</b>	<b>987.05</b>	<b>661.52</b>

**a. Hasil Cukai**

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2019 menurun sebanyak RM0.19 juta berbanding tahun 2018. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2019, Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM118.60 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.52 juta dari tahun 2018.

**b. Hasil Bukan Cukai**

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2019 menurun sejumlah RM261.47 juta berbanding tahun 2018. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan dan Bayaran Ganti. Hasil paling tinggi yang dikutip bagi kategori ini adalah bagi Perolehan dari Jualan Barang-Barang iaitu sebanyak RM136.98 juta. Hasil di bawah kategori ini menurun sebanyak RM252.02 juta berbanding tahun 2018.


**c. Terimaan Bukan Hasil**

Terimaan Bukan Hasil terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan dan Terimaan dari Agensi Kerajaan. Terimaan di bawah kategori ini bagi tahun 2019 berjumlah RM195.88 juta menunjukkan penurunan sejumlah RM63.87 juta berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM259.75 juta.

#### 2.2.1.2 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2019 berjumlah RM581.31 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM24.02 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM557.29 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Emolumen sebanyak RM171.40 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM168.18 juta, Perolehan Aset sebanyak RM5.24 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM234.93 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM1.56 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2019.

Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti di Jadual 4.



CARTA 4 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2019

**JADUAL 4**  
**PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN**  
**BAGI TAHUN 2015 – 2019**

KOMPONEN	TAHUN				
	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)
EMOLUMEN	142.85	158.60	163.55	162.91	171.40
PERKHIDMATAN & BEKALAN	124.97	135.13	140.31	147.26	168.18
ASET	6.81	6.06	7.77	6.27	5.24
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	543.70	637.90	391.02	686.89	234.93
PERBELANJAAN LAIN	7.55	2.94	3.20	1.99	1.56
<b>JUMLAH</b>	<b>825.88</b>	<b>940.63</b>	<b>705.85</b>	<b>1,005.32</b>	<b>581.31</b>

**a. Emolumen**

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM171.40 juta pada tahun 2019. Jumlah ini meningkat sebanyak RM8.49 juta berbanding tahun 2018.

**b. Perkhidmatan dan Bekalan**

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli, penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM20.92 juta berbanding perbelanjaan tahun 2018.

**c. Aset**

Jumlah perbelanjaan Aset bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM5.24 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM1.03 juta berbanding tahun 2018. Peratusan perbelanjaan di bawah

komponen ini menurun disebabkan pendekatan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

**d. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM234.93 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM451.96 juta berbanding tahun 2018. Perbelanjaan bagi komponen ini adalah merupakan peratusan yang paling besar berbanding komponen perbelanjaan yang lain. Antara perbelanjaan di bawah komponen ini adalah penyaluran bantuan kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan juga pemindahan dana ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tujuan projek-projek pembangunan kerajaan.

**e. Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain**

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM1.56 juta iaitu menurun RM0.43 juta berbanding tahun 2018.

## **2.2.2 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

### **2.2.2.1. Pinjaman Dalam Negeri**

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada

akhir tahun 2018. Tiada terimaan dan pindahan pinjaman bagi tahun 2019. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2015 hingga 2019.


**JADUAL 5**  
**PRESTASI AKAUN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI**  
**BAGI TAHUN 2015 – 2019**

PERIHAL	TAHUN				
	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERIMAAN PINJAMAN	11.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PINDAHAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	11.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

### **2.2.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2019 berjumlah RM944.99 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM48.74 juta berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM896.25 juta.

Carta 5 menunjukkan kedudukan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2015 hingga 2019 manakala jadual 6 pula menunjukkan prestasi komponen Akaun Amanah Disatukan Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama.



**CARTA 5 : KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI  
DARI TAHUN 2015 – 2019**

**JADUAL 6  
PRESTASI KOMPONEN AKAUN AMANAH DISATUKAN KERAJAAN NEGERI  
BAGI TAHUN 2015 – 2019**

PERIHAL	TAHUN				
	2015 (RM JUTA)	2016 (RM JUTA)	2017 (RM JUTA)	2018 (RM JUTA)	2019 (RM JUTA)
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	27.57	37.30	47.85	46.44	52.48
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	150.11	141.77	171.11	137.96	177.09
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	313.34	427.88	467.46	504.19	527.85
AKAUN WANG DEPOSIT	115.89	179.84	191.33	207.66	187.57
<b>JUMLAH</b>	<b>606.91</b>	<b>786.79</b>	<b>877.75</b>	<b>896.25</b>	<b>944.99</b>

#### **2.2.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan**

Penerimaan bagi Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM35 juta, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi RM15.97 juta,

Sewa Beli Daripada Perumahan Murah RM2.67 juta, Jualan Rumah Kos Rendah RM0.21 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada PDC RM125.72 juta, Terimaan Balik Pinjaman daripada MBSP RM8.45 juta, Pajakan PBA RM9.05 juta dan Terimaan Balik Pinjaman daripada PBA RM42.20 juta. Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM233.23 juta.

#### **2.2.3.2 Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulan Wang. Secara keseluruhannya jumlah baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini meningkat sebanyak RM39.13 juta berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM137.96 juta.

#### **2.2.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang ini pada tahun berakhir 2019 ialah sebanyak RM527.85 juta meningkat sejumlah RM23.66 juta berbanding baki bagi tahun 2018.

#### **2.2.3.4 Akaun Wang Deposit**

Akaun Wang Deposit adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja

selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2019, wang deposit keseluruhannya berjumlah RM187.57 juta.

### **3. PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

#### **3.1. ASET**

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

##### **3.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut**

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd. Sehingga tahun 2019, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM303.90 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai sebanyak RM51.67 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM140.85 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM78.20 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

##### **3.1.2. Pelaburan**

Pelaburan yang dilaporkan dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan pelaburan-pelaburan ekuiti dalam PBA Holdings Bhd., Maxis dan Astro. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2019 ialah

RM234.86 juta. Pengurus Dana memegang sebanyak RM29.01 juta, Maxis Bhd. RM25.25 juta, Astro Bhd. RM3.03 juta, Malaysia Airport Berhad (Right Issue) RM4.73 juta dan PBA Holdings Bhd sebanyak RM172.84 juta.

### **3.1.3. Hasil Belum Terima**

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2019, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM92.16 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM5.85 juta berbanding tahun 2018 iaitu RM86.31 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM65.25 juta dan perumahan negeri berjumlah RM17.65 juta.

### **3.1.4. Bayaran Fi Air Mentah**

Baki Bayaran Fi Air Mentah bagi tahun berakhir 2019 adalah sejumlah RM3.33 juta.

## **3.2 LIABILITI**

### **3.2.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri**

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM53.77 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM4.06 juta berbanding baki tahun 2018 berjumlah RM57.83 juta.

### **3.2.2 Liabiliti Luar Jangka**

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau sesuatu peristiwa tertentu. Ini termasuk *back-to-back guarantee* yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk kemudahan pinjaman

kredit Tidar yang diperolehi daripada Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad, The Bank of Nova Scotia Bhd., Affin Bank Berhad dan RHB Bank Berhad berjumlah RM677.15 juta sehingga 31 Disember 2019.

## **PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2019.



**DATO' SARUL BAHIYAH BINTI HAJI ABU**

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

9 Januari 2020



**MOHD AMRAN BIN ABD. GHANI**

Bendahari Negeri Pulau Pinang

9 Januari 2020

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
pada 31 Disember 2019

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>
<b>WANG AWAM</b>		
WANG TUNAI	3	26,928,648.31
PELABURAN	4	2,072,900,000.00
		<b>2,099,828,648.31</b>
		<b>1,970,887,461.48</b>
DIPEGANG BAGI:		
KUMPULAN WANG DISATUKAN		
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,154,842,913.90
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	944,985,734.41
		<b>2,099,828,648.31</b>
		<b>1,970,887,461.48</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	<u>Nota</u>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>	<b>5</b>				
Hasil Cukai		135,499,373.86		135,690,992.19	
Hasil Bukan Cukai		330,135,188.14		591,606,819.41	
Terimaan Bukan Hasil		195,884,228.91	661,518,790.91	259,752,327.09	987,050,138.69
<b>Pinjaman</b>	<b>6</b>				
Dalam Negeri		0.00		0.00	
			0.00		0.00
<b>Terimaan Modal</b>	<b>7</b>				
Pelbagai Terimaan Modal		204,272,272.54		37,787,375.06	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00	204,272,272.54	0.00	37,787,375.06
<b>Terimaan Lain</b>	<b>7</b>				
Terimaan Amanah		42,693,446.49		19,911,999.67	
			42,693,446.49		19,911,999.67
<b>Jumlah Terimaan</b>		<b>908,484,509.94</b>			<b>1,044,749,513.42</b>

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	<u>2019</u>	<u>2018</u>			
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	5				
Emolumen		171,396,849.13		162,915,302.96	
Perkhidmatan dan Bekalan		168,181,493.78		147,259,182.03	
Aset		5,235,363.51		6,267,256.01	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		195,870,009.30	*	247,661,813.27	
Perbelanjaan Lain		1,562,168.38	542,245,884.10	1,989,804.80	566,093,359.07
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsung		233,233,076.41		474,199,301.28	
Pinjaman		0.00	233,233,076.41	-	474,199,301.28
<b>Perbelanjaan Modal</b>	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		120,400,000.00	120,400,000.00	2,100,000.00	2,100,000.00
<b>Pembiayaan Hutang</b>	5				
Dalam Negeri		4,064,362.60		4,225,536.93	
Kepada Agensi		0.00	4,064,362.60	0.00	4,225,536.93
<b>Bayaran Lain</b>	7				
Akaun Amanah		0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Bayaran</b>		<b>899,943,323.11</b>		<b>1,046,618,197.28</b>	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		8,541,186.83		(1,868,683.86)	
Wang Tunai Pada 1 Januari		18,387,461.48		20,256,145.34	
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>26,928,648.31</b>		<b>18,387,461.48</b>	

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

\* Perbelanjaan Mengurus bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap Tahun Kewangan 2019 tidak termasuk Bayaran Balik Pinjaman berjumlah RM4,064,362.60.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

		<u>2019</u>	<u>2018</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>	5	505,500,000.00	661,518,790.91
<i>Tolak:</i> Belanja Mengurus	5	901,188,387.00	546,310,246.70
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>(395,688,387.00)</b>	<b>115,208,544.21</b>
<i>Tolak:</i> Belanja Pembangunan	7	306,376,977.00	233,233,076.41
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(702,065,364.00)</b>	<b>(118,024,532.20)</b>
			<b>(57,468,058.59)</b>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
Pinjaman	6	0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	204,272,272.54	37,787,375.06
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(86,247,740.34)	19,680,683.53
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>		<b>118,024,532.20</b>	<b>57,468,058.59</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
pada 31 Disember 2019

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>
<b>MEMORANDUM ASET</b>	8	
Pinjaman Boleh Dituntut	303,900,601.66	477,500,423.51
Pelaburan	234,858,476.59	235,957,110.45
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	9	
Hutang Awam	53,767,528.55	57,831,891.15

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

**DASAR DAN KAE DAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

**1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

- Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.
- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
  - b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :
    - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
    - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau ) dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
    - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
  - c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubaha ua seperti berikut:
    - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
    - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
    - iii) Mengakaun urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
  - d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
  - e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
  - f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Aktaun Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
  - g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
  - h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

**2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2019 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

### 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2019</i> <i>RM</i>	<i>2018</i> <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	26,020,769.21	17,659,127.98
Wang Tunai Dalam Perjalanan	565,479.10	386,933.50
Wang Tunai Dalam Tangan	342,400.00	341,400.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>26,928,648.31</b>	<b>18,387,461.48</b>

### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2019</i> <i>Nilai Buku</i>		<i>2018</i> <i>Nilai Buku</i>	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah <i>RM</i>	Pelaburan Am <i>RM</i>	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah <i>RM</i>	Pelaburan Am <i>RM</i>
	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Saham	0.00	31,450,000.00	0.00	31,450,000.00
Deposit Dalam Negeri	28,350,000.00	2,013,100,000.00	28,950,000.00	1,892,100,000.00
<i>Jumlah</i>	<i>28,350,000.00</i>	<i>2,044,550,000.00</i>	<i>28,950,000.00</i>	<i>1,923,550,000.00</i>
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>2,072,900,000.00</b>		<b>1,952,500,000.00</b>	

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

Perihal	2019		2018		
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		1,074,634,369.69		1,092,903,127.00	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	148,742,650.00	135,499,373.86	91.10	135,690,992.19	100.68
Hasil Bukan Cukai	258,826,490.00	330,135,188.14	127.55	591,606,819.41	216.19
Terimaan Bukan Hasil	97,930,860.00	195,884,228.91	200.02	259,752,327.09	272.42
<i>Jumlah Hasil</i>	505,500,000.00	661,518,790.91	130.86	987,050,138.69	195.93
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	177,514,137.00	171,396,849.13	96.55	162,915,302.96	92.96
Perkhidmatan dan Bekalan	174,086,292.00	168,181,493.78	96.61	147,259,182.03	92.44
Aset	6,342,855.00	5,235,363.51	82.54	6,267,256.01	72.95
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	308,885,813.00	199,934,371.90	64.73	251,887,350.20	53.80
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	4,359,290.00	1,562,168.38	35.84	1,989,804.80	33.48
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	671,188,387.00	546,310,246.70	81.39	570,318,896.00	69.78
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	230,000,000.00	35,000,000.00		435,000,000.00	
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	901,188,387.00	581,310,246.70	64.50	1,005,318,896.00	80.28
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		80,208,544.21		(18,268,757.31)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>1,154,842,913.90</b>		<b>1,074,634,369.69</b>	

Nota: (\*\*) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

### (a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

Perihal	2019			2018		
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar	Sebenar	% Anggaran
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	131,778,780.00	131,778,780.00	118,595,758.23	90.00	119,120,322.65	101.18
Cukai Parit Dan Talair	696,815.00	696,815.00	579,015.05	83.09	608,005.75	108.82
Cukai Langsung Yang Lain	267,055.00	267,055.00	98,707.10	36.96	133,692.90	27.75
Cukai Hiburan	16,000,000.00	16,000,000.00	16,225,893.48	101.41	15,828,970.89	98.93
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	148,742,650.00	148,742,650.00	135,499,373.86	91.10	135,690,992.19	100.68
<i>(disambung)</i>						

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

Perihal	2019		Sebenar		2018	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	11,097,440.00	11,097,440.00	9,970,085.75	89.84	9,630,679.96	67.14
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	87,392,390.00	87,392,390.00	82,125,818.57	93.97	95,556,784.24	117.99
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	77,349,468.00	77,349,468.00	136,980,751.47	177.09	389,001,391.66	375.39
Sewaan	16,745,722.00	16,745,722.00	8,534,210.11	50.96	8,550,853.27	120.80
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	58,579,120.00	58,579,120.00	87,979,460.74	150.19	83,383,122.21	138.16
Denda dan Hukuman	7,655,330.00	7,655,330.00	4,079,307.47	53.29	5,413,288.47	74.69
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	7,020.00	7,020.00	465,554.03	6,631.82	70,699.60	1,007.12
Jumlah Hasil Bukan Cukai	258,826,490.00	258,826,490.00	330,135,188.14	127.55	591,606,819.41	216.19
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	925,860.00	925,860.00	74,344,548.90	8,029.78	108,829,669.73	32,003.08
Terimaan daripada Agenzia-agensi	97,005,000.00	97,005,000.00	121,539,680.01	125.29	150,922,657.36	158.85
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	97,930,860.00	97,930,860.00	195,884,228.91	200.02	259,752,327.09	272.42
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>505,500,000.00</b>	<b>505,500,000.00</b>	<b>661,518,790.91</b>	<b>130.86</b>	<b>987,050,138.69</b>	<b>195.93</b>

#### (b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM4,064,362.60 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan oleh bayaran balik pinjaman.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut :

Maksud Perbelanjaan	2019		% Anggaran	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	Anggaran
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Peruntukan Diraja	3,905,110.00	3,905,110.00	3,889,113.50	99.59
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	339,600.00	339,600.00	294,245.27	86.64
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	30,070,220.00	30,070,220.00	19,841,816.31	65.98
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	34,314,930.00	34,314,930.00	24,025,175.08	70.01
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	168,591,110.00	168,591,110.00	167,869,276.06	99.57
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	10,769,140.00	10,769,140.00	9,990,887.62	92.77
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	7,180,696.00	7,180,696.00	6,429,683.42	89.54
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	6,623,762.00	6,623,762.00	6,456,237.26	97.47
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	8,147,890.00	8,147,890.00	7,906,986.62	97.04
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	8,119,025.00	8,119,025.00	7,792,899.44	95.98
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	6,499,508.00	6,499,508.00	6,282,491.28	96.66
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	39,840,974.00	39,840,974.00	39,354,987.07	98.78
B. 09 Jabatan Perhutanan	3,543,470.00	3,543,470.00	3,447,532.22	97.29
B. 10 Jabatan Taman Botani	4,971,680.00	4,971,680.00	4,597,403.34	92.47
B. 12 Jabatan Kerja Raya	38,442,677.00	38,442,677.00	36,479,190.40	94.89
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	21,014,070.00	21,014,070.00	19,814,997.71	94.29
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	10,546,230.00	10,546,230.00	9,981,823.39	94.65
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	4,972,610.00	4,972,610.00	4,280,720.45	86.09
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	501,909,130.00	501,909,130.00	167,004,203.08	33.27
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6,598,430.00	6,598,430.00	6,061,388.00	91.86
B. 18 Jabatan Pertanian	8,402,020.00	8,402,020.00	8,002,590.71	95.25
B. 19 Jabatan Mufti Negeri	2,855,735.00	2,855,735.00	2,752,809.25	96.40
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	7,845,300.00	7,845,300.00	7,778,964.30	99.15
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	866,873,457.00	866,873,457.00	522,285,071.62	60.25
